

29/01/1997

Polis tingkat kemampuan banteras cetak rompak

POLIS sedang meningkatkan pengetahuan dan kepakaran untuk membanteras kegiatan melanggar hak cipta perisian komputer di negara ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Shamsuri Arshad, berkata polis mengadakan kerjasama dengan syarikat pengeluar perisian komputer terkemuka dunia seperti Microsoft Corporation dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna untuk mengatasi masalah itu.

"Saya yakin dengan kerjasama ini kita dapat berkongsi maklumat dalam usaha meningkatkan kemampuan memerangi gejala ini," katanya di Kuching, Sarawak, baru-baru ini selepas mendengar taklimat berhubung pelaksanaan Sistem Maklumat Pusat Kawalan (SMPK).

Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed cuba membawa negara ini sebagai satu pusat kegiatan industri komputer, usaha juga perlu dibuat untuk membanteras kegiatan cetak rompak perisian komputer.

"Apa yang penting negara harus menunjukkan kita mempunyai undang-undang dan pelaksanaan yang kuat berhubung cetak rompak perisian komputer bagi meyakinkan pelabur bahawa negara ini tempat selamat untuk menanam modal dalam industri itu," katanya.

Polis masih melakukan siasatan bersama Microsoft untuk mengesan mereka yang melakukan cetak rompak perisian keluaran syarikat itu yang dilancarkan baru-baru ini.

(END)